

Kerana iman Abraham taat, ketika ia dipanggil untuk berangkat ke negeri yang akan diterimanya menjadi milik pusakanya, lalu dia berangkat dengan tidak mengetahui tempat yang ia tuju. Kerana iman dia diam di tanah yang dijanjikan itu seolah-olah di suatu tanah asing dan di situ dia tinggal di khemah dengan Ishak dan Yakub, yang turut menjadi ahli waris janji yang satu itu.

Ibrani 11: 8-10

Ogos 10, 2025

www.heraldmalaysia.com

Jangan sekadar content, ciptalah pertemuan hati

Jubli Belia, Misionari Digital dan Pempengaruh Katolik

VATIKAN: “Saudara saudariku terkasih, betapa kita memerlukan kedamaian pada zaman yang dicemari dengan permusuhan dan peperangan ini. Saya juga mahu menyeru kepada anda sekalian, untuk terus memberi kesaksian tentang salam Tuhan yang Bangkit: “Damai sejahtera bagi kamu!” (Yohanes 20:19). Semoga kesejahteraan-Nya bersama kita, dalam hati dan dalam tindakan kita, kata Sri Paus Leo XIV kepada ribuan belia, misionari digital dan pempengaruh Katolik.

Pada Julai 29, 2025, di Basilika Sto Petrus, Sri Paus Leo XIV bertemu para belia, misionari digital dan pempengaruh Katolik serta menyeru mereka menjadikan Internet tempat untuk rangkaian perhubungan dan pertemuan damai.

Wartakan damai ke seluruh dunia

“Inilah misi yang Gereja amanahkan kepada setiap daripada kamu yang datang ke Roma untuk Jubli Belia, Misionari Digital dan Pempengaruh Katolik. Anda berada di sini untuk memperbaharui komitmen anda untuk memupuk harapan Kristian dalam rangkaian sosial dan dalam talian,” ujar Sri Paus Leo.

Prelatus itu berkata, “Kedamaian perlu dicari, diwartakan dan dikongsi di mana-mana, sama ada di tempat-tempat di mana kita melihat tragedi perang mahupun di hati kosong mereka yang telah kehilangan makna kehidupan dan keinginan untuk introspeksi serta kehidupan rohani.

Pada hari ini, lebih daripada sebelumnya, kita memerlukan murid-murid misionari untuk menyampaikan berita kurniaan Tuhan yang Bangkit kepada dunia; yang menyuarakan harapan yang Yesus berikan kepada kita ke hujung bumi (cf. Kisah Para Rasul 1:3-8); dan kita sesungguhnya memerlukan murid-murid misionari untuk mewartakan Khabar Gembira kepada hati yang menunggu, mencari dan memerlukan. Ya, untuk ke hujung bumi, ke tempat yang paling jauh, di mana tiada harapan.

Mencari “daging” Kristus yang menderita

Sri Paus Leo menyebut mengenai cabaran kedua dalam misi ini: sentiasa mencari “daging Kristus yang menderita” dalam setiap saudara dan saudari yang anda temui dalam talian.

Katanya, budaya baharu sekarang cenderung menggunakan teknologi. “Terpulang kepada kita – terpulang kepada setiap daripada anda – untuk memastikan budaya ini tetap manusiawi, tidak menjadi hamba kepada teknologi.”

Sains dan teknologi mempengaruhi cara kita hidup di dunia, malah mempengaruhi cara kita memahami diri sendiri dan cara kita berhubung dengan Tuhan, cara kita berhubung antara satu sama lain.

“Tetapi,” kata Bapa Suci Leo, “tiada apa-apa yang datang daripada manusia dan kreativiti mereka digunakan untuk menjejaskan maruah orang lain. Misi kita – misi anda – adalah untuk memupuk budaya humanisme Kristian dan melakukannya bersama-sama. Inilah keindahan “rangkaiannya” untuk kita semua.”

Sri Paus Leo yakin bahawa dalam menghadapi perubahan budaya sepanjang sejarah, Gereja tidak pernah pasif; Gereja sentiasa aktif berusaha untuk menerangi setiap zaman dengan cahaya dan harapan Kristus, membimbing umat membezakan yang baik daripada yang jahat dan apa yang baik perlu diubah, ditransformasikan dan dikuduskan.

“Hari ini kita berada dalam budaya di mana manusia bergantung kepada teknologi khususnya penggunaan meluas kecerdasan buatan (AI) yang menandakan era baharu dalam kehidupan individu dan masyarakat secara keseluruhan.”

“Ini adalah cabaran yang mesti kita hadapi: bagaimanakah kita dapat mengekalkan keaslian kesaksian kita tentang Yesus, bagaimanakah kita dapat terus mendengar dan bercakap tentang Injil, serta sejauh manakah keupayaan kita untuk memahami dan di-

fahami. Kita mempunyai kewajiban untuk bekerjasama membangunkan cara berfikir dan untuk membangunkan bahasa cinta kasih Tuhan.”

Sri Paus Leo XIV menegaskan kepada para *content creator* agar tidak sekadar menghasilkan kandungan, tetapi mencipta pertemuan hati.

Ini akan melibatkan pencarian mereka yang menderita, mencari mereka yang perlu mengenal Tuhan agar kelukaan serta kekecewaan mereka dapat disembuhkan serta dapat dibantu dalam mencari makna dalam hidup mereka.

Di atas segalanya, proses ini bermula dengan menerima kemiskinan kita sendiri, melepaskan semua kepura-puraan dan menyedari keperluan kita sendiri selaras dengan Injil. Dan proses ini adalah usaha bersama.

Pergilah dan perbaikilah jala


Yesus memanggil rasul-rasul pertama-Nya ketika mereka sedang membaiki jala ikan mereka (Mat 4:21-22). Sri Paus menekankan bahawa Yesus juga meminta perkara yang sama daripada kita hari ini.

“Sesungguhnya, Dia meminta kita untuk menjalin jaring-jaring lain: rangkaian hubungan, kasih sayang, perkongsian aktif di mana persahabatan adalah mendalam dan tulen; rangkaian di mana kita boleh membaiki apa yang telah rosak, sembuh daripada kesunyian, tidak menumpukan perhatian kepada bilangan pengikut, tetapi mengalami keagungan Cinta yang tidak terhingga dalam setiap pertemuan.”

Bapa Suci menyeru para belia menjadi Jajilah agen persekutuan, mampu memecahkan logik perpecahan dan polarisasi, individualisme dan egosentrisme.

“Pusatkan diri anda pada Kristus, supaya dapat mengatasi logik dunia dan berita palsu, dengan keindahan dan cahaya Kebenaran (Yohanes 8:31-32).”

Pada akhir ucapannya, Bapa Suci mengucapkan terima kasih kepada para belia, “terima kasih kerana tidak pernah lelah mengejar impian anda, terima kasih kerana perhatian anda kepada Tuhan Yesus dan kasih anda kepada Gereja, terima kasih atas bantuan yang anda berikan kepada mereka yang menderita, dan atas perjuangan penginjilan anda di alam digital!” **Media Vatikan**



Para belia dari Malaysia menghadiri Jubli Belia, Misionari Digital dan Pempengaruh Katolik di Vatikan pada Julai 18-Ogos 3, 2025.

Dia hadir meskipun tidak disedari

Kehadiran Tuhan dalam diri kita dan di dunia jarang sekali dramatik, tular, sensasi atau menarik perhatian.

Tuhan tidak bekerja seperti itu. Sebaliknya, kehadiran Tuhan adalah sesuatu yang tenang dan kelihatan tidak berdaya di dalam diri kita. Ia jarang membuat percikan yang besar.

Kita sepatutnya tahu itulah cara Tuhan bekerja malah Dia juga dilahirkan sebegitu ke dalam kita. Yesus, seperti yang kita tahu, dilahirkan ke dunia kita tanpa sebarang kemegahan dan tanpa kuasa, Dia lahir sebagai seorang bayi yang tidak berdaya di atas jerami, seorang kanak-kanak di antara berjuta-juta.

Tiada sesuatu yang luar biasa di mata manusia mengenai kelahiran-Nya. Kemudian, semasa pelayanan-Nya, Dia tidak pernah melakukan mukjizat untuk membuktikan ketuhanan-Nya, tetapi hanya sebagai tindakan belas kasihan atau untuk mendedahkan sesuatu tentang Tuhan.

Seperti kelahiran-Nya, pelayanan Yesus bukanlah usaha untuk membuktikan ketuhanan-Nya atau membuktikan kewujudan Tuhan. Ia lebih bertujuan untuk mengajar kita bagaimana Tuhan mengasihi kita tanpa syarat.

Pada dasarnya, ajaran Yesus tentang kehadiran Tuhan dalam hidup kita menjelaskan bahawa kehadiran ini kebanyakannya senyap dan di bawah permukaan, seperti tumbuhan yang tumbuh secara senyap ketika kita tidur, yis yang mengembang doh dengan cara yang tersembunyi daripada pandangan kita, musim bunga yang perlahan-lahan menghijaukan pokok yang gersang, tumbuhan sawi yang tidak ketara akhirnya mengejutkan kita dengan pertumbuhannya, seorang lelaki atau wanita yang mengampuni musuh. Tuhan bekerja dengan cara yang nampaknya tersembunyi dan boleh diabaikan oleh mata kita. Tuhan yang menjelma dalam diri Yesus bukanlah Tuhan yang dramatik mahupun mencolok mata.

Dan ada pengajaran penting dalam hal ini.

Ringkasnya, Tuhan berada di dalam diri kita, jauh di dalam, tetapi dengan cara yang hampir tidak dapat dirasai, sering tidak disedari dan mudah untuk lupa.

Walaupun bagaimanapun, kehadiran itu tidak pernah mahu menyekat kita, Ia hadir dalam diri kita dengan sangat lembut dan tidak henti-henti yang terus mendorong kita untuk 'melekat' pada-Nya.

Dan jika kita membukakan hati kita kepada-Nya, Ia bagaikan berkat yang memancut dalam diri kita sebagai aliran yang tidak terhingga, yang mengajar, memupuk, dan mengisi kita dengan kehidupan serta tenaga.

Ini penting untuk memahami bagaimana Tuhan hadir di dalam diri kita. Tuhan berada di dalam diri kita sebagai jemputan yang sentiasa menghormati kebebasan kita dan tidak pernah menguasai kita dan pada masa yang sama, Ia tidak pernah hilang.

Ia terbaring di dalam jiwa kita seperti bayi yang tidak berdaya terbaring di atas jerami, memanggil kita dengan lembut, tetapi tidak berdaya untuk membuat kita mengangkat-Nya.

Sebagai contoh, C.S. Lewis pernah menjelaskan mengapa, walaupun terdapat keengganan emosi dan intelektual yang kuat, beliau akhirnya menjadi seorang Kristian ("penganut yang paling enggan dalam sejarah Kristian").

Dia menjadi seorang yang beriman kerana dia tidak dapat mengabaikan suara yang tenang yang tidak henti-henti dalam dirinya yang. Suara itu lembut dan menghormati ke-

bebasannya sehingga C.S. Lewis mengabaikannya untuk masa yang lama.

Secara retrospektif, dia menyedari bahawa ia sentiasa ada sebagai dorongan yang berterusan, memanggilnya untuk membuka hati dan dengan lembut menjemputnya tanpa memaksa, agar akhirnya membawa pembebasan.

Ruth Burrows, seorang mistik dan biarawati Karmelit British juga menceritakan pengalaman yang serupa.

Dalam autobiografinya *Before the Living God*, Ruth menceritakan kisah tahun-tahun akhir remaja dan bagaimana pada masa itu dalam hidupnya yang kurang memikirkan tentang agama dan iman. Namun, akhirnya dia bukan sahaja serius tentang agama tetapi menjadi biarawati Karmelit dan penulis rohani yang berbakat. Apa yang berlaku?

Ini dicetuskan oleh satu siri keadaan yang tidak disengajakan. Suatu hari dia berada di sebuah kapel di mana, sebuah tindakan yang sebenarnya bertentangan dengan kehendaknya.

Di situ, dia membuka hati kepada suara di dalam dirinya yang selama ini diabaikannya, suara lembut yang terus bergema tetapi tidak pernah menghalang kebebasannya.

Sebaik sahaja dia membuka pintu hatinya, 'suara lembut' itu membuka keluar sebagai sesuatu yang paling indah, bermakna dan paling nyata di dalam dirinya serta telah menetapkan hala tuju hidupnya.

Seperti C.S. Lewis, dia juga, setelah membuka diri kepadanya, merasakan suara itu sebagai desakan moral yang tidak berbelah bahagi untuk membuka dirinya kepada pembebasan muktamad.

Ini juga berlaku pada diri saya. Ketika saya berusia tujuh belas tahun dan menamatkan pengajian di sekolah menengah, saya tidak mempunyai keinginan untuk menjadi paderi Katolik Romawi.

Tetapi, walaupun terdapat rintangan afektif yang kuat, saya merasakan panggilan untuk memasuki kongregasi agama dan menjadi paderi Katolik.

Walaupun terdapat tentangan yang kuat dalam diri saya, saya tetap mematuhi panggilan itu, desakan itu.

Kini, enam puluh tahun kemudian, saya mengenang kembali keputusan itu sebagai keputusan yang paling jelas, paling tidak mementingkan diri, berasaskan iman dan menghidupkan, yang pernah saya buat.

Saya boleh sahaja mengabaikan panggilan dan saya bersyukur selama-lamanya kerana saya tidak menolaknya.

Fredrick Buechner menyatakan bahawa Tuhan hadir di dalam diri kita sebagai kehadiran rahmat yang tersembunyi.

Rahmat Tuhan "berada di bawah permukaan; ia tidak berada di sana seperti pancaragam yang mengumumkan diri, tetapi ia datang dan menyentuh dan melanda dengan cara yang membebaskan kita, Ia berada dalam diri kita tanpa menyedarinya langsung dan meskipun diabaikan, Ia tidak pernah meninggalkan kita."

Tuhan tidak pernah cuba membebaskan kita. Lebih daripada itu, Tuhan menghormati kebebasan kita.

Tuhan ada di mana-mana, di dalam diri kita dan di sekeliling kita, hampir tidak terasa, sebahagian besarnya tidak disedari, dan mudah diabaikan, dorongan yang tenang dan lembut; tetapi, jika dimanfaatkan, ia adalah aliran cinta dan kehidupan yang tertinggi. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025@Fr Ron Rolheiser**



Menimbun harta di syurga

Dalam Injil, Yesus menyapa umat-Nya sebagai "kawan kecil". Pengikut Yesus memang kecil jumlahnya bila dibandingkan dengan kumpulan-kumpulan lain.

Dalam Perjanjian Lama, bangsa Israel merasa dirinya sebagai kawan kecil. Tetapi ternyata *Yahwe* mengalahkan lawan-lawan mereka, melindungi serta menyelamatkan mereka. Inilah dasar harapan hidup umat Tuhan dalam Perjanjian Lama iaitu Tuhan sentiasa melindungi umat-Nya.

Dalam Perjanjian Baharu, yakni dalam surat kepada Orang Ibrani, ditegaskan bahawa iman adalah landasan dari segala pengharapan. Tidak ada harapan, apabila tidak ada iman. Di manakah letak kekuatan iman?

Iman sejati memungkinkan kita untuk tidak hanya berfikir secara manusiawi. Memang semakin maju dan pesat teknologi, perkembangan daya dan cara berfikir orang zaman sekarang juga semakin moden.

Namun, manusia pasti menyedari, meskipun banyak mengalami kemajuan, pasti ada keterbatasan daya fikir manusia.

Banyak hal yang memang tidak dapat diatasi hanya dengan daya fikir manusia.

Ada kalanya, manusia tidak faham mengapa dan bagaimana terjadinya alam semesta, bagaimana terbentuk planet-planet? Bagaimana terciptanya benua-

benua dengan sekian banyak bangsa, budaya, ekonomi, politik, agama?

Mengapa ada kemajuan dan juga kemunduran, ada kekayaan dan kemiskinan, ada perdamaian dan kekerasan.

Di atas segalanya itu, timbullah pertanyaan penting: mengapa Tuhan yang Mahakuasa dan Mahaagung memutuskan menyelamatkan umat manusia dengan mengutus Yesus Kristus menjadi Penyelamat kita melalui penderitaan dan kematian di salib!

Ternyata memang diperlukan untuk memahami pola fikir Tuhan. Bagaimana? Melalui iman!

Hanya dengan iman, melalui sabda Tuhan dalam Kitab Suci, kita dapat menyerahkan diri kepada Tuhan dan hidup dengan penuh keyakinan. Orang beriman diajak untuk percaya sepenuhnya kepada penyelenggaraan Allah.

Dalam Injil Lukas hari ini ditegaskan, bahawa Tuhan memilih dan memberikan kepada orang-orang yang dikehendaki-Nya akan berkat: "Janganlah takut, hai kamu kawan kecil! Sebab Bapamu telah berutaman memberi kamu Kerajaan-Nya."

Kerajaan sudah dijanjikan kepada kawan kecil. Dalam Perjanjian Lama "kawan kecil ini" disebut "sisa Israel". Meskipun segenap bangsa Israella yang dahulu disebut sebagai "bangsa terpilih", namun akhirnya hanya "sisa Israel", kawan kecil yang

menjadi bangsa terpilih. Nasihat Yesus kepada kawan kecil pada zaman-Nya itu berlaku juga bagi kita sekarang ini.

Kepada kita, penganut Kristian, sebagai murid Yesus merupakan "kawan kecil". Yesus berseru kepada kita: jangan takut!

Agar tidak takut, kita harus siap sedia. Namun hakikatnya, kita sering tidak bersiap sedia. Tidak sedia untuk panggilan masing-masing, tidak siap untuk menggalas tanggungjawab yang harus kita selenggarakan, bukan hanya dalam hidup sekarang ini, tetapi juga pada saat kita dipanggil menghadap Tuhan.

Masukkan juga pesan Yesus dalam Injil Lukas ini dalam rangka Tahun Jubli Harapan iaitu: "Juallah segala milikmu dan berilah sedekah! Buatlah bagimu pundi-pundi yang tidak dapat menjadi tua, suatu harta di syurga tidak akan habis, yang tidak dapat didekati pencuri, dan yang tidak dirosak serangga. Kerana di mana hartamu berada, di situ juga hatimu berada".

Rumusan alkitabiah pesan Yesus itu harus ditafsirkan secara murni dan benar. Tanpa mementingkan diri sendiri mahupun menguntungkan keluarga atau mengabaikan masyarakat, kita harus memberanikan untuk mengembangkan solidariti dan semangat berbahagi, sehingga tumbuh semangat belas kasihan di antara semua orang sebagai sesama "kawan".

Di samping itu, kita juga dituntut untuk

**HARI MINGGU
BIASA KE-19**

**KEBIJAKSANAAN 18:6-9
IBRANI 11:1-2.8-19
INJIL LUKAS 12:32-48**



sentiasa waspada dan siap sedia dalam menanti kedatangan Kristus yang tidak dapat dijangka.

Beranihlah kita semua menjadi hamba yang setia, waspada dan selalu siap siaga? **Msgr. FX. Hadisumarta O.Carm**

PULAU PINANG: Kumpulan Pembaharuan Karismatik *Shekinah Glory* (SGRG), sebuah kumpulan Pembaharuan Karismatik Katolik rentas paroki di bawah Keuskupan Pulau Pinang, baru-baru ini menganjurkan Konferensi Lelaki Katolik selama dua hari di Gereja *Nativity of the Blessed Virgin Mary*, (NBVM) di Butterworth.

Konferensi yang dianjurkan sempena Tahun Jubli Harapan mengangkat tema "Kita mempunyai harapan ini sebagai sauh kepada jiwa kita" (Ibrani 6:19a).

Seramai 50 peserta lelaki dari tujuh keuskupan di seluruh Malaysia, serta Keuskupan Agung Tokyo, menyertai acara tersebut.

SGRG bertuah kerana tiga penceramah terkemuka telah hadir untuk menyampaikan sesi dalam konferensi itu iaitu Msgr Bruno Cosme MEP, dari Kemboja; Fr Adrian Adiredjo OP, dari Indonesia; dan Jude Antoine, penasihat rohani SGRG dari Malaysia.



Konferensi Lelaki Katolik dimulakan dengan Misa pembukaan yang dipimpin oleh Kardinal Sebastian Francis, Uskup Pulau Pinang.

Dalam salah satu sesi, *Iron Sharpens Iron*, yang disampaikan

oleh Jude Antoine telah membuka mata ramai peserta bahawa lelaki cenderung 'menyembunyikan' emosi dan kekecewaan mereka kerana takut kelihatan lemah.

Jude mengingatkan para pe-

serta bahawa memendam kemarahan dan kemaafan boleh membawa akibat yang jauh lebih serius kepada kesihatan.

Beliau menggesa lelaki itu untuk melepaskan kemarahan dan memaafkan mereka yang telah

menyakiti hati mereka.

Persidangan itu diakhiri dengan Misa Pengisian Roh Kudus, yang dipimpin oleh Msgr Bruno dan Fr Adrian.

Sepanjang konferensi, penyembuhan dapat dilihat apabila para peserta selesa untuk membuka diri dan memperlihatkan kelemahan serta kerisauan mereka dalam kalangan rakan sebaya mereka.

"Konferensi Lelaki adalah pertemuan yang tepat pada masanya sebagai keluarga Kristus, bersama-sama dengan saudara lelaki Kristian kita.

Konferensi ini memang memberi inspirasi dan menyedarkan saya agar berkongsi pengalaman hidup dengan sesama, belajar antara satu sama lain dan terbuka tentang perjuangan kita sebagai sesama manusia. Konferensi ini adalah sesuatu yang sangat diperlukan pada masa ini," kata Joshua salah seorang peserta dari Gereja *Nativity of the Blessed Virgin Mary*, Pulau Pinang. **Joshua Jerome Robert**

Pelajar Sekolah Minggu belajar keindahan tradisi Gereja Katolik

KOTA SENTOSA: Paroki Sacred Heart Kota Sentosa telah menganjurkan sebuah program pembelajaran iman yang penuh makna bagi pelajar Sekolah Minggu.

Bertempat di Pusat *Immaculate Heart*, program ini menghimpunkan 528 pelajar Sekolah Minggu dari Gereja pusat dan pelbagai stasi luar.

Program ini bertujuan memberikan pendedahan awal kepada kanak-kanak mengenai ajaran dan tradisi Gereja Katolik, khususnya simbol-simbol suci, penjelasan tentang musim liturgi, serta peralatan yang digunakan dalam Misa Kudus.

Para pelajar dapat melihat, memegang dan mengalami sendiri aspek-aspek penting dalam ke-

hidupan iman Katolik melalui lapan stesen pembelajaran yang disusun secara sistematik.

Antara yang dipelajari pada hari tersebut ialah peralatan khusus untuk Uskup misalnya mitra (topi khas untuk Uskup), tongkat gembala (*crozier*), cincin uskup, dan salib pektoral dan warna-warna liturgi.



Dipanggil menjadi tanda Harapan kepada orang yang menderita

LIMBAHAU, Papar: Lebih daripada 200 penziarah telah menyertai Ziarah Pengharapan di Pusat Ziarah Ekologi *Holy Rosary*, Limbahau baru-baru ini.

Majoriti besar daripada mereka merupakan umat dari paroki St Paul Dontozidon, yang diketuai oleh Fr Terans Thadeus.

Ziarah kali ini cukup istimewa bagi Fr Terans, kerana ia merupakan ziarah dan sekali gus *homecoming*, memandangkan beliau ditahbis sebagai paderi di Gereja Holy Rosary, Limbahau, tiga tahun yang lalu.

Fr Terans berpesan kepada para penziarah agar tidak pernah putus harapan dan terus tekun berdoa kepada Yesus serta membaca kitab suci. Kumpulan penziarah lain ialah *Catholic Nurses Guild*, Kota Kinabalu.

Kerjaya kejururawatan bukan sekadar pekerjaan, ia merupakan

satu panggilan untuk melayani.

Menurut mereka, ziarah ini membantu jururawat merenung kembali misi mereka, menyalakan semula semangat kasih sayang dan memberi kekuatan rohani untuk terus berkhidmat.

Perjalanan ziarah ini bersifat simbolik bagi jururawat yang terlibat.

Semasa mereka berjalan dan berdoa, jururawat turut membawa harapan dan penderitaan orang yang mereka rawat.

Ia menjadi cara konkrit untuk menyerahkan kerja mereka kepada Tuhan dan memohon berkat serta harapan.

Lebih istimewa, kehadiran mereka dalam ziarah ini juga menjadi satu bentuk kesaksian iman di tengah masyarakat—bahawa dalam kerjaya merawat, kasih Tuhan boleh disampaikan melalui tangan, hati dan kehadiran seorang jururawat.



Paderi gigih bawa Khabar Gembira ke pedalaman



TONGOD: Baru-baru ini, paderi paroki Telupid iaitu Fr Christopher Ireneus bersama kakitangan pejabat Gereja, wakil Komiti Kateketikal dan Komiti Katekis telah turun padang selama tiga hari ke beberapa kawasan di daerah Tongod.

Misi ini bertujuan untuk menjangkau umat Katolik yang berada jauh dari pusat paroki, khususnya mereka yang tinggal di lokasi yang sukar diakses, bagi memantapkan lagi kehidupan iman serta memberi pelayanan sakramen.

Rombongan ini telah melawat St Benedik, St Michael di Genting Estate dan Ladang SLDB Agropolitan Lalampas.

Sepanjang misi ini, Fr Christopher memimpin Misa Kudus dan pembaptisan bayi dan kanak-kanak.

Beliau telah membaptis 38 bayi dan kanak-kanak di St

Benedik, Tongod, 19 orang lagi di St Michael, Genting Estate dan lapan orang bayi di Ladang SLDB Agropolitan Lalampas.

Semasa memimpin Misa di salah sebuah Gereja yang dilawati, Fr Christopher dalam homilinya menekankan pentingnya hidup dalam kasih dan pengharapan Kristiani, serta menyeru umat agar terus berpegang teguh kepada iman walaupun rumah atau tempat tinggal mereka sangat jauh dari Gereja.

Paderi itu juga menekankan bahawa tanggungjawab untuk memelihara dan menumbuhkan dalam kalangan kanak-kanak adalah bermula daripada keluarga. Ibu bapa perlu menjadi katekis pertama bagi anak-anak mereka, memperkenalkan Yesus Kristus sejak awal usia, mengajar mereka berdoa, membaca Kitab Suci bersama dan membimbing mereka

dalam kehidupan rohani sehari-hari.

Di setiap Gereja yang dilawati, Fr Christopher berpesan kepada para umat agar terus bersatu dalam iman dan kasih, serta bekerjasama membina komuniti Kristian yang hidup dan bertumbuh sebagai tubuh mistik Kristus. Katanya, Gereja pusat akan terus menyokong Gereja-gereja di kawasan luar bandar dan umat tidak harus berasa mereka telah dipinggirkan.

Setiap lawatan diakhiri dengan jamuan kasih dan sesi bergambar bersama umat sebagai tanda kesyukuran dan perayaan komuniti. Umat di tiga-tiga Gereja ini amat bersyukur menerima kedatangan paderi dan rombongan dari Gereja pusat, lebih-lebih lagi merayakan Misa Kudus dan anak-anak yang dibaptis. **Genevieve Jimis & Angela Jika**

Sahabat kecil Yesus

Anak-anak yang dikasihi,

Dalam bacaan Injil hari ini, Yesus bercakap tentang sikap bersiap sedia kerana Dia akan datang buat kali kedua.

Yesus juga mengingatkan kita bahawa memiliki harta dan wang yang banyak adalah perkara yang baik tetapi ia tidak membantu kita untuk masuk ke syurga.

Jika wang, makanan atau pakaian mewah adalah perkara yang paling penting dalam hidup anda, maka itu menunjukkan bahawa anda lebih mencintai benda-benda duniawi.

Dengan bersikap baik dan membantu orang lain serta mengasihi Tuhan maka anda mempunyai harta yang baik tersimpan untuk Syurga.

Apabila kita mati, segala yang kita miliki tidak dapat dibawa. Apakah 'harta' yang dapat kita serahkan kepada Yesus kelak?

'Harta' itu bukanlah dalam bentuk wang atau barangan mahal tetapi perbuatan dan amalan yang baik semasa kita hidup.

Amalan-amalan itu adalah seperti tekun berdoa,

suka membantu orang lain, menghormati dan berbelas kasihan.

Oleh sebab itu, marilah mengisi hati kita dengan perbuatan dan perkataan yang baik kerana ia adalah harta yang akan kekal selama-lamanya!

Salam Sayang
Antie Melly

Tuliskan jawapan dengan memilih jawapan yang sesuai, untuk membaca Kidung Maria.

- | | | |
|------------|---|---------------|
| kuduslah |  | Juruselamatku |
| memuliakan | | bersukacita |
| bahagia | | sekarang |
| perbuatan | | bangsa |

JIWAKU, TUHAN, DAN ROHKU DI DALAM TUHAN,

..... MULAI AKU DISEBUT YANG, OLEH SEKALIAN

SEBAB BESAR DIKERJAKAN BAGIKU OLEH YANG MAHAKUASA, NAMA-NYA.

(Luk 1: 45-49)



BANTU DUA ORANG KANAK-KANAK DALAM GAMBAR DI ATAS UNTUK BERTEMU DENGAN YESUS.

Maria diangkat ke syurga - Ogos 15 -



H_ndaklah k_m_ juga s_ap sed_a, ker_n_ An_k Man_sia d_tang pad_s_at y_ng t_dak kam_sangk_kan. (Lukas 12:40)

Dalam pesan Yesus di atas, ada beberapa huruf vokal yang hilang. Isikan tempat kosong tersebut dengan huruf vokal untuk membaca pesan Yesus.



BELIA

Jubli Belia, Misionari Digital dan Pempengaruh Katolik

Cinta tidak boleh dijana dengan algoritma

VATIKAN: Kardinal Luis Antonio Tagle menggesa pencipta kandungan (*content creator*) Katolik yang berkumpul di Roma untuk Jubli Misionari Digital dan Pempengaruh Katolik yang pertama kali diadakan agar “berhati-hati” dalam menggunakan platform mereka, memberi peringatan tentang bahaya rohani maklumat salah dan manipulasi dalam talian.

“Anda bukan sahaja pempengaruh, anda juga adalah misionari,” kata Kardinal Tagle semasa memimpin Misa di Basilika Sto Petrus pada Julai 29.

Prelatus itu menyampaikan ucapan kepada lebih 1,700 *content creator* Katolik dari 75 negara yang datang ke Vatikan untuk acara dua hari yang bertepatan dengan Jubli Belia, Misionari Digital dan Pempengaruh Katolik.

Penghargaan kepada misionari digital

“Wahai para misionari digital dan pempengaruh Katolik yang dikasihi: Yesus mengasihi kamu. Jangan ragu dia. Terimalah Dia sebagai pempengaruh terbesar dalam hidup anda. Dan melalui anda, semoga peribadi Yesus dapat mempengaruhi ramai orang dan ruang digital, supaya kebenaran, keadilan, kasih dan kedamaian Tuhan dapat mengalir hingga ke hujung bumi,” katanya.

Dianjurkan oleh Dikasteri untuk Penginjilan dan Dikasteri untuk Komunikasi, jubli itu menandakan kali pertama dalam sejarah Gereja Katolik: inisiatif Vatikan berskala besar yang bertujuan merayakan mereka yang mewartakan Injil dalam era digital.

Sama ada klerus dan orang awam, ramai daripada mereka muda dan aktif di *Instagram*, *YouTube*, dan *TikTok*, berkumpul untuk merenungkan penginjilan dalam alam digital.

“Saya telah bertemu ramai *content creator* dan orang-orang yang mengikuti saya,” kata Sophie Chamblee, seorang belia dari Amerika berusia 24 tahun kepada *CNA*.

Sophie mempunyai lebih daripada 59,000 pengikut untuk halaman *Instagramnya*, *Playground Saints*, di mana dia berkongsi pelekat kartun para santo dan memuat naik video lucu tentang perbuahan khayalan antara para santo di syurga.



Dalam khutbahnya, Kardinal Tagle, pro-prefek bagi Seksyen Penginjilan Pertama, memberi peringatan tentang risiko manipulasi digital.

Prelatus itu berkongsi pengalamannya bagaimana dirinya telah dimanipulasi untuk iklan sehingga tular dalam talian.

“Bagi *content creator*, mereka mendapat keuntungan. Saya mendapati video saya telah dimanipulasi tetapi saya tidak tahu siapa,” ujarinya yang jelas kesal tentang sikap tidak bertanggungjawab *content creator*.

Kardinal berasal dari Manila, Filipina itu mengajukan soalan kepada para belia dan pempengaruh media sosial: “Adakah kita akan membiarkan air dan darah Yesus yang dicurahkan demi kasih-Nya kepada kita menjadi cecair yang boleh mempengaruhi, mencuci, menghapuskan segala kejahatan, kepalsuan, ketidakadilan, pra-sangka, manipulasi, dan keganasan?”

Tuhan menghantar Anak-Nya kepada kita, bukan e-mel

“Semoga kasih Tuhan dalam Yesus dan Roh Kudus membasmi pelbagai pengaruh beracun daripada mengalir ke dalam hati manusia.”

Tagle juga memberi amaran agar tidak mengelirukan hubungan teknologi dengan kesaksian Kristian yang sebenar.

“Tuhan tidak menghantar kepada kita mesej teks atau e-mel, atau dokumen fail. Sebaliknya, Tuhan menghantar Anak-Nya,” katanya.

“Cinta tidak boleh dijana oleh algoritma. Hanya orang yang Ilahi dengan hati manusia yang boleh mencintai secara Ilahi dan manusiawi, membawa perubahan yang mendalam dan berkekalan,” tambahnya.

Ketika Misa berakhir, para jemaah menerima kunjungan mengejutkan daripada Sri Paus Leo XIV, yang memasuki Basilika Sto Petrus di tengah-tengah lautan telefon pintar yang diangkat.

Berbicara dengan fasih dalam bahasa Itali, Inggeris, dan Sepanyol, Sri Paus Leo menekankan kepentingan keaslian dan maruah manusia dalam penginjilan digital.

Jangan guna kreativiti untuk menghina maruah manusia

“Sains dan teknologi mempengaruhi cara hidup kita di dunia, malah mempengaruhi cara kita memahami diri sendiri dan cara kita berhubung dengan Tuhan, cara kita berhubung antara satu sama lain,” kata Bapa Suci Leo.

“Tetapi tiada apa-apa yang datang daripada manusia dan kreativiti mereka boleh digunakan untuk menjejaskan maruah orang lain. Misi kita — misi anda — adalah untuk memupuk budaya humanisme Kristian, dan melakukannya bersama-sama. Inilah keindahan ‘rangkaiannya’ untuk kita semua.”

Dengan kecerdasan buatan memainkan peranan yang semakin dominan dalam komunikasi global, Sri Paus Leo mencabar para pempengaruh untuk meneliti kesaksian mereka tentang Tuhan! **CNA**



Berita singkat antarabangsa

Bapa Suci mendoakan penganut Kristian teraniaya di DRC

VATIKAN: Bapa Suci Leo XIV menyampaikan rasa dukacita dan kesal atas serangan penganas kejam yang berlaku pada malam Julai 26 - 27 di Komanda, Republik Demokratik Congo (DRC), apabila lebih daripada empat puluh orang Kristian terbunuh di Gereja dan rumah, semasa vigili doa.

Bapa Suci mengesahkan serangan maut ke atas paroki *Blessed Anuarite* di Komanda, DRC.

Lebih 40 orang terbunuh pada Ahad, Julai 26 di wilayah Ituri di timur Congo apabila pemberontak menyerbu Gereja Katolik dan melepaskan tembakan ke arah umat.

Sekurang-kurangnya 38 orang, termasuk wanita dan kanak-kanak, disahkan maut di Gereja itu, manakala beberapa orang lagi terbunuh di sebuah kampung berhampiran. Media Vatikan

Serangan udara, kanak-kanak antara yang terbunuh di Myanmar

YANGON: Sekurang-kurangnya enam orang, termasuk seorang kanak-kanak, terbunuh dan tujuh lagi cedera dalam serangan udara tentera ke atas bandar Kutkai di negeri Shan di utara Myanmar, kata kumpulan pemberontak Tentera Pembebasan Kebangsaan Ta'ang (TNLA), yang mengawal kawasan itu.

Sebuah pesawat tentera menggugurkan bom di Hotel Yar Su Thit di Kutkai pada awal pagi Julai 30, yang turut merosakkan dua rumah berhampiran, kata TNLA dalam satu kenyataan.

Jurucakap junta di negeri Shan, U Khun Thein Maung, memberitahu *UCA News* bahawa beliau "tidak tahu" tentang kejadian itu dan enggan meng-

ulas lanjut.

Seorang pastor dari Gereja Baptist, mengesahkan dua orang pengembara yang terbunuh dalam serangan itu adalah orang Kachin yang pulang dari Ruili, China, bersempadan dengan negeri Shan. Mereka berehat di hotel untuk malam itu dan dijangka pulang ke rumah keesokan paginya.

"Kami tidak lagi sanggup melihat atau mendengar situasi yang mengerikan seperti itu. Kami hanya berdoa untuk rahmat dan mengharapkan kedamaian bagi jiwa-jiwa yang hilang dalam peristiwa seperti itu," kata pastor itu kepada *UCA News* yang enggan namanya ditulis. *UCA News*

Jangan terbiasa dengan keganasan!

NEW YORK: "Kita tidak seharusnya terbiasa dengan keganasan atau kehilangan rasa hormat kita terhadap kesucian nyawa manusia," kata Kardinal Timothy M. Dolan dari New York, berikutan tembakan beramai-ramai yang membawa maut di bandar itu yang meragut empat nyawa, termasuk seorang pegawai polis Bandar Raya New York.

Keganasan itu berlaku pada Julai 28, dekat Katedral St Patrick.

Penembak tersebut — yang dikenal pasti oleh Pesuruhjaya Polis New York sebagai Shane Tamura, 27 tahun — menembak di-

rinya sendiri selepas serangan itu.

Terbunuh dalam serangan itu ialah Didarul Islam, seorang pegawai NYPD berusia 36 tahun. Beliau meninggalkan seorang isteri yang hamil dan dua orang anak lelaki yang masih kecil, telah berkhidmat dalam pasukan selama tiga setengah tahun.

"Kami berasa sedih dengan kehilangan nyawa," kata Kardinal Dolan dan mendoakan para mangsa dan keluarga yang maut.

"Gereja prihatin terutamanya ditujukan kepada keluarga mereka yang terbunuh dan komuniti NYPD yang kami sayangi," kata prelatus itu lagi. *CNA*

Protes besar-besaran berikutan dua biarawati ditahan secara tidak adil

RAIPUR: Protes meletus dan menular di India berikutan penangkapan dua biarawati atas tuduhan penukaran agama dan pemerdagangan manusia di Chattisgarh, India.

Demonstrasi itu bermula apabila dua orang biarawati itu ditangkap pada Julai 25 dan pembebasan biarawati ditangguhkan oleh parti yang memerintah kerajaan iaitu Parti Bharatiya Janata (BJP) yang berhaluan nasionalis Hindu.

BJP tidak membenarkan ikat jamin bagi religius dan dua orang biarawati itu dipenjarakan.

"Keadilan jenis apa ini?" soal Kardinal Baselios mar Cleemis,

uskup agung Gereja Syro Malankara dan bekas presiden Konferensi Uskup Katolik India, berkata pada 30 Julai.

Prelatus itu berucap pada akhir perarakan menuntut pembebasan segera dua orang biarawati tersebut. Sr M. Nirmalini, presiden sayap wanita Konferensi Religius India, mengatakan, "Pertuduhan itu dibuat tanpa memastikan atau mengesahkan fakta. Pihak berkuasa lebih tinggi harus menghentikan perkara tidak adil ini dan mengambil tindakan terhadap polis tempatan yang menyeleweng!" tegas Sr M. Nirmalini kepada *UCA News*.

Hari Antarabangsa Menentang Pemerdagangan Manusia: Lebih 50 juta orang dieksploitasi

ROMA: 30 Julai menandakan Hari Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Pemerdagangan Orang.

Tema tahun ini ialah "Pemerdagangan Manusia adalah Jenayah Terancang - Akhiri Eksploitasi", memberi tumpuan kepada usaha bersama yang diperlukan oleh penguatkuasa undang-undang, sistem keadilan jenayah dan masyarakat untuk mempunyai pendekatan berpusatkan mangsa yang selamat dalam mengakhiri dan mencegah eksploitasi selanjutnya.

Pemerdagangan Manusia dalam Angka

Berdasarkan statistik dari Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC)

- ♦ Antara tahun 2019 dan 2022, bilangan mangsa buruh paksa yang terselamat di seluruh dunia meningkat sebanyak 47%.

- ♦ Pada tahun 2022, 61% daripada mangsa pemerdagangan manusia adalah wanita — 39% dewasa dan 22% kanak-kanak perempuan.

- ♦ UNODC melaporkan bahawa sekurang-kurangnya 162 kewarganegaraan telah diperdagangkan ke 128 negara, dengan majoriti (31%) adalah warganegara negara-negara Afrika.

- ♦ Pemindahan yang disebabkan oleh konflik dan perubahan iklim adalah faktor dalam corak pemerdagangan.

UNODC menekankan bahawa "semakin ramai mangsa diperdagangkan setiap tahun, merentasi jarak yang lebih jauh, dengan keganasan yang lebih tinggi, untuk tempoh masa yang lebih lama dan untuk keuntungan yang lebih besar."



Sistem keadilan gagal! Undang-undang harus diperketat

PBB melaporkan bahawa walaupun jumlah dari tahun 2020 hingga 2023 dianggarkan sekitar 200,000 mangsa terselamat di seluruh dunia, "namun bilangan sebenar kes yang tidak dilaporkan dipercayai jauh lebih tinggi."

Salah satu pendorong utama eksploitasi manusia ialah rangkaian jenayah terancang, yang menggunakan buruh paksa dan paksaan ke dalam aktiviti jenayah.

- Antara tahun 2019 dan 2022, bilangan mangsa terselamat buruh paksa di seluruh dunia meningkat sebanyak 47%.

Menurut PBB, tindak balas sistem keadilan jenayah terus gagal dalam menghentikan "jenayah yang berkembang pesat" ini.

Untuk mengatasi masalah ini, organisasi itu menyeru agar undang-undang diperketatkan, kerjasama rentas sempadan diperbaiki dan penggunaan teknologi untuk mengesan dan membongkar rangkaian pemerdagangan, antara inisiatif lain.

Bersama akhiri pemerdagangan

Sempena Hari mengakhiri pemerdagangan manusia, Komuniti Sri Paus Yohanes XXIII menerbitkan laporan 2025 mereka yang bertajuk, "Pemerdagangan: Memahami punca dan melindungi orang yang dieksploitasi di sisi gelap migrasi".

Laporan itu menunjukkan bahawa lebih daripada 50 juta orang sedang dieksploitasi di seluruh dunia dan bilangan mangsa yang terselamat meningkat sebanyak kira-kira 800,000 orang setiap tahun.

UNODC melaporkan bahawa sekurang-kurangnya 162 kewarganegaraan telah diperdagangkan ke 128 negara.

Presiden komuniti, Matteo Fadda, mengulangi gesaan PBB kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk mengambil tindakan bagi mengelakkan pemerdagangan selanjutnya. Beliau menekankan betapa pentingnya untuk mengenali di mana pengambilan berlaku—dalam talian, secara peribadi, di laluan migrasi—untuk mencegahnya. **Media Vatikan**



VATIKAN: Pada petang Julai 31, Sri Paus Leo XIV mengalu-alukan kedatangan penziarah muda ke Roma yang menghadiri Jubli Belia, Misionari Digital dan Pempengaruh Katolik.

Selepas Misa di Dataran Sto Petrus yang dipimpin oleh Msgr Rino Fisichella, Pro-Prefek Dikasteri untuk Penginjilan, Bapa Suci Leo mengelilingi Dataran Sto Petrus dengan *popemobile* untuk menyambut mereka yang hadir.

Bapa Suci mengingatkan para penziarah muda bahawa mereka adalah "garam bumi, cahaya dunia."

"Kamu adalah garam bumi, cahaya dunia! Dan hari ini suara anda,

semangat anda, tangisan anda — semuanya untuk Yesus Kristus — akan didengari hingga ke hujung bumi!" kata Leo XIV.

"Hari ini menandakan permulaan untuk beberapa hari kemudian yang pasti akan membawa pertemuan dengan Yesus, satu perjalanan iman, Jubli Harapan dan dunia memerlukan pesan harapan."

"Anda adalah pesan itu, dan anda mesti terus membawa harapan kepada semua orang," tegas Sri Paus.

"Kami berharap agar anda semua sentiasa menjadi tanda harapan di dunia," kata Sri Paus Leo lagi.

"Hari ini kita berada pada permulaan Jubli Belia. Dalam beberapa

hari akan datang, anda akan berpeluang menjadi kuasa yang membawa rahmat Tuhan, pesan harapan, cahaya kepada bandar Roma, ke Itali dan ke seluruh dunia.

"Marilah kita berjalan bersama kepada Yesus Kristus dan terus menyuarakan serta memilih keamanan di dunia. Marilah kita semua berkata bersama: Kami mahu keamanan di dunia! Marilah kita berdoa untuk keamanan.

"Marilah kita berdoa untuk keamanan," ulang Sri Paus "dan marilah kita menjadi saksi keamanan Yesus Kristus, perdamaian — cahaya dunia yang kita semua cari." **Media Vatikan**

Komunikasi sejati ialah tentang penyembuhan

VATIKAN: Rabu, Julai 30, para penziarah mendengar siri akhir kateketikal Sri Paus Leo XIV mengenai kehidupan awam Yesus. Berucap kepada umat beriman yang berkumpul di Dataran Sto Petrus untuk Audiens Umum mingguan beliau, Sri Paus menyatakan bahawa “pelayanan Yesus semasa di dunia ditandai pertemuan, perumpamaan dan penyembuhan.”

Bapa Suci Leo menggambarkan dunia hari ini ditandai dengan “iklim keganasan dan kebencian” yang melukai maruah manusia secara mendalam.

“Masyarakat kita”, katanya, “semakin sakit, bukan kerana pengasingan, tetapi kerana sejenis beban berlebihan.”

“Kita mudah risau tentang orang lain yang kehidupannya mungkin lebih baik daripada kita. Kita dihujani oleh imej tanpa menyedari ia adalah palsu atau cuba memecahbelahkan kita,” kata Sri Paus sambil memberi peringatan bahawa media sosial telah menghasilkan sejenis penyakit emosi, apabila terlalu banyak maklumat menyebabkan kita letih dan keliru.

Ramai yang berasa tergoda untuk menutup diri, “Kita mungkin lebih suka menyepi, bersikap acuh tak acuh dan tidak mahu terlibat.” Sri Paus Leo menyatakan kebimbangannya apabila sikap “tidak mahu terlibat” itu semakin ketara dalam kalangan masyarakat.

Sri Paus Leo merenungkan pembacaan daripada Injil Markus, yang menceritakan



penyembuhan seorang lelaki yang pekak dan bisu.

Lelaki itu tidak mencari penyembuhan untuk dirinya sendiri sebaliknya orang lain yang membawanya kepada Yesus.

Melalui watak-watak dalam Injil itu, dapat dilihat Gereja mewakili orang-orang yang membawa si buta kepada Yesus. Inilah imej Gereja sejati yang menemani orang lain, terutamanya mereka yang kehilangan suara atau keupayaan untuk mendengar.

Setelah bertemu Yesus, si bisu dapat bercakap dan kebenaran mulai terungkap. Mungkin orang bisu itu berdiam diri selama ini kerana tidak tahu bagaimana mengungkapkan perasaannya dan tidak ada yang mahu memahaminya.

Keadaan ini menyebabkan Sri Paus Leo mengajukan soalan kepada hadirin, “Be-

rapa kerap kita berhenti bercakap kerana orang salah faham terhadap kita?”

Mengakhiri ucapan beliau, Sri Paus mengingatkan kita bahawa komunikasi yang sebenar bukan sahaja tentang keberkesanan tetapi lebih kepada penyembuhan, tentang tidak menyakiti orang lain dengan kata-kata kita.

“Bercakap dengan betul ialah permulaan perjalanan. Dan perjalanan ini membawa kita kepada Yesus sendiri, melalui Sengsar dan Salib-Nya.

“Marilah kita memohon kepada Tuhan untuk menyebarkan cara kita berkomunikasi, dan untuk membantu Gereja kekal sebagai tempat di mana setiap orang dapat mendengar Firman-Nya, disembuhkan, dan menjadi utusan keselamatan-Nya.”

Media Vatikan

Jus rohani untuk jiwa

Membuat tanda salib ialah doa yang ringkas tetapi berkuasa dan ini adalah cara yang indah untuk mengukuhkan hubungan anda.

Bagi Marie-Anne Lucas dan suaminya Vincent, perkahwinan sentiasa menjadi tumpuan utama. Mereka melihat diri mereka sebagai tiga: suami, isteri, dan perkahwinan mereka.

Bagi pasangan ini, tanda salib merupakan gerak isyarat kecil yang dilakukan dengan iman dan cinta.

Marie-Anne menulis buku dalam bahasa Perancis, “*L’aventure de la prière en couple*” (Pengembaraan Doa sebagai Pasangan). Dalam buku itu, Marie-Anne berkongsi keajaiban doa sebagai pasangan, dan menyebut satu perkara secara khusus iaitu memberkati pasangan anda!

Memberkati pasangan anda iaitu dengan menandai pasangan anda dengan tanda salib adalah sangat indah.

Menurut Marie-Anne, “Suami saya adalah sekutu terbaik saya, jadi saya mahukan apa yang baik untuknya. Oleh sebab itu, saya meminta Yesus berbuat baik kepadanya, dan membiarkan Yesus bertindak dalam diri suami saya melalui gerakan tanda salib.”

“Membuat tanda salib pada suami saya pada dasarnya isyarat yang sangat kecil, tetapi sebenarnya ia hebat kerana berkesan! Salib adalah penyelamatan kita.”

“Dengan memberkati suami saya, saya mengatakan sesuatu yang baik, dan saya membenarkan kebaikan, Cinta, berkarya dalam dirinya. Gerak isyarat yang sangat kecil ini sangat dinamik! Ia adalah sapaan, kunjungan daripada Tuhan. Ia melangkaui kita.



Tanda salib dan kuasanya dalam perkahwinan

Bagaimana memulakannya?

Marie-Anne mengakui, ramai pasangan yang sudah lama berkahwin dan tidak biasa menandai tanda salib pada dahi pasangan mereka.

“Anda boleh melakukan isyarat ini pada bantal pasangan mereka, secara rahsia, pada waktu malam. Percayalah, gerak isyarat ini akan menjadi spontan, walaupun di hadapan orang lain! Semua yang dibaptis diberi peluang untuk menyumbang memberitahu kepada orang lain bahawa Tuhan itu hadir, Tuhan itu berkuasa,” tulis Marie-Anne dalam bukunya.

Doa – Nafas Tuhan yang menghidupkan kita

Marie-Anne juga menjelaskan, “Doa mengajar kita untuk menyedari keberagungan kita kepada Tuhan. Saya tidak berdoa demi Tuhan, saya berdoa untuk membiarkan Tuhan bertindak dan

berdoa dalam diri saya.

Menyedari bahawa Tuhan itu berkuasa dan apabila kami suami isteri membuka hati terhadap campur tangan Tuhan, ia mempunyai akibat yang hebat untuk anak-anak kami. Daripada membuka pintu ke dunia luar untuk mencari Tuhan, doa adalah membuka pintu ke dunia rohani, untuk mencari Yesus yang sangat berbelas kasihan.

Kemudian kami sedar bahawa sakramen itu adalah Yesus. Jadi perkahwinan kami bukan atas usaha saya, ia datang daripada kebaikan Tuhan!

Jadi kita semestinya perlu bersyukur setiap hari! Doa adalah membiarkan Tuhan bernafas dalam diri kita. Salib membiarkan Yesus mengubah kita melalui kehidupan harian kita, kata-kata yang kita ucapkan sepanjang hari, kegagalan kita dan sebagainya. Apabila pasangan dapat menawarkan ini antara satu sama lain, ia adalah hadiah yang hebat. **Aleteia**

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Mengkomunikasikan sains melalui iman

Pada masa krisis iklim sekarang, semakin mendesak untuk menyampaikan isu ini kepada masyarakat. Tetapi data saintifik sahaja jarang menyentuh hati.

Di kebanyakan negara Asia, kepercayaan agama terus membentuk cara orang mentafsir realiti, membuat pilihan, dan bertindak balas terhadap krisis.

Jurnalisme alam sekitar yang mengakui realiti ini bahawa dalam melaporkan fakta, naratif moral dan budaya diperlukan untuk mendorong tindakan kolektif.

Sebagai seorang wartawan yang membuat liputan tentang agama dan alam sekitar, saya telah melihat bagaimana cerita yang menghubungkan sains dengan kerohanian sering kali lebih berkesan daripada cerita yang hanya bergantung pada data.

Pertembungan antara iman dan komunikasi iklim bukanlah kebimbangan khusus sebaliknya ia adalah teras dalam membina kesedaran iklim dalam masyarakat.

Sains berbicara, tetapi iman menterjemahkannya. Laporan saintifik memberi amaran tentang peningkatan paras laut, ambang pelepasan, dan titik perubahan ekologi. Tetapi bagi ramai, konsep-konsep ini kekal abstrak sehingga ia dirangka dalam bentuk tanggungjawab moral.

Dalam kerohanian, istilah seperti “pengurusan,” “keadilan,” “dosa,” atau “penjagaan penciptaan”—membantu orang memahami realiti saintifik dengan cara yang bermakna secara peribadi dan budaya.

Dalam konteks ini, *Laudato Si’* dan *Laudate Deum* oleh Sri Paus Fransiskus telah menjadi rujukan utama, terutamanya dalam kalangan komuniti Katolik. Dokumen-dokumen ini menawarkan perbendaharaan kata teologi yang mengukuhkan advokasi iklim dalam tanggungjawab rohani.

Ensiklik-ensiklik itu tidak mengurangkan sains—ia membina di atasnya—sambil memberikan dorongan moral untuk bertindak.

Begitu juga, ajaran Buddha tentang saling keberagungan, prinsip Islam tentang kesederhanaan dan penjagaan terhadap ciptaan, serta pandangan dunia Orang Asli yang menganggap tanah sebagai suci, semuanya menyumbang kepada naratif iklim yang lebih kaya dan lebih berasas. Tradisi ini bukan sahaja menyediakan metafora tetapi juga motivasi.

Apa yang sering diabaikan dalam komunikasi iklim arus perdana ialah kuasa institusi agama. Di Selatan Global, di mana kepercayaan awam terhadap institusi politik atau saintifik mungkin rendah tetapi Gereja, masjid, kuil, dan biara kekal sebagai antara pihak berkuasa yang paling dipercayai.

Apabila paderi dan pemimpin agama bercakap tentang keadilan alam sekitar, mereka membentuk perspektif moral dan memberi inspirasi kepada perubahan tingkah laku, berbanding dengan laporan data sains semata-mata.

Merapatkan sains dan iman bukanlah tentang mengurangkan fakta—tetapi tentang menyampaikannya dalam bahasa yang menggerakkan orang untuk mengambil berat dan bertindak. **Mark Saludes**

● **Mark Saludes, editor LICAS News dan wartawan yang berpangkalan di Manila. Pelapor tentang hak asasi manusia, keadilan sosial, isu alam sekitar dan peranan komuniti agama di seluruh Asia.**

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my

**atau
WhatsApp: 011-26391498**



Untuk Hidup Bersama:
Marilah kita berdoa agar masyarakat di mana kehidupan bersama kelihatan sukar, agar tidak tunduk kepada godaan berkonfrontasi atas sebab etnik, politik, agama atau ideologi.

Paderi berhujan dan berpanas ke kawasan terpencil demi pelayanan sakramen

KENINGAU: Misi adalah jantung Gereja. Oleh sebab itu, *Team Turun Ladang (TTL)* dari Katedral St Francis Xavier sentiasa menyedari betapa pentingnya pelayanan pastoral khususnya di kampung-kampung yang terpencil.

Baru-baru ini, TTL telah melakukan lawatan ke tiga buah Komuniti Umat Katolik (KUK) iaitu KUK Pangaraan, KUK Pohon Batu dan KUK Lumiri.

Kedudukan geografi atau lokasi ketiga-tiga KUK ini amat jauh dari Gereja pusat iaitu Katedral St Francis Xavier, Keningau (KSF). Jika cuaca baik, perjalanan ke tempat ini memakan masa empat hingga lima jam dengan menempuh keadaan jalan raya yang kurang baik.

Lawatan kali ini diketuai oleh Fr Appolonius Yakis, paderi pembantu paroki KSF. Turut serta dalam rombongan ini ialah dua orang seminarian iaitu Brywienden dan Marcellus, beberapa orang katekis, kakitangan KSF dan belia dari KUK



Dalit pada Julai 14-17 lalu.

Lawatan selama empat hari itu memfokuskan kepada Misa Kudus dan pelayanan sakramen-sakramen.

Sepanjang lawatan, paderi dan rombongan memastikan ada peluang untuk beramah mesra dengan para umat di setiap KUK.

Pada hari pertama, TTL tiba di KUK Pangaraan dan paderi memberikan pelayanan Sakramen Tobat dan memberkati sepasang pengan-tin muda.

Selepas itu, Fr Appolonius memimpin Misa Kudus dan mengetahui ritus pembaptisan serta Krisma.

Setelah itu dijalankan Misa

Kudus dan Sakramen Pembaptisan.

Keesokan harinya, rombongan TTL melawat KUK Pohon Batu yang memberi peluang kepada umat di situ untuk melakukan Sakramen Pengakuan dan seorang dewasa menerima Sakramen Pembaptisan.

Berada di KUK Pohon Batu pada hari ketiga, pasukan TTL mengam-

bil kesempatan untuk mengadakan kegiatan santai bersama para ibu Katolik iaitu menangkap ikan di sungai.

Perjalanan diteruskan pada petang hari ketiga ke destinasi terakhir iaitu d KUK Lumiri.

Umat di KUK tersebut gembira dapat merayakan Misa Kudus dan Sakramen Pengakuan serta empat orang belia bersyukur kerana dapat menerima Komuni pertama.

Walaupun letih namun sambutan, layanan dan penyuman dari setiap KUK memberi semangat kepada paderi dan rombongan.

Melihat wajah-wajah sukacita yang sentiasa merindui lawatan paderi serta pelayanan Sakramen menyebabkan TTL terus tabah melawat kawasan-kawasan terpencil.

Selepas Misa Kudus, paderi dan rombongan TTL beramah mesra dengan para penduduk KUK Lumiri dalam acara persaudaraan yang sederhana. **Imel Da**

Kursus Alpha kukuhkan kepimpinan pelayan akar umbi



SANDAKAN: Dengan matlamat untuk mengukuhkan kepimpinan pelayan akar umbi, lebih 20 peserta berkumpul di Dewan Paroki St Mary, Sandakan untuk Latihan sehari Pasukan Alpha. Acara itu dianjurkan dengan kerjasama *The Forerunners Ministry* dan Alpha Malaysia.

Tujuan latihan ini adalah untuk memperkasakan fasilitator dan sukarelawan paroki agar dapat menjalankan kursus Alpha dengan berkesan dalam komuniti tempatan mereka.

Alpha ialah sesi interaktif yang meneroka iman Kristian. Sepanjang latihan, para peserta mengenal struktur Alpha, pedoman bagaimana memimpin perbincangan kumpulan kecil dan aktiviti-aktiviti yang mensimulasikan pengalaman Alpha kehidupan sebenar.

Jurulatih dari Pasukan Alpha Malaysia menyampaikan kandungan yang memberi inspirasi dan praktikal, membina keyakinan dan

kesediaan peserta untuk berkhidmat sebagai pemimpin tempatan sesi Alpha masa depan.

"Latihan ini membuka mata kami tentang betapa berkesannya Alpha dalam membina komuniti iman yang bertenaga dan mesra," kongsi Freddy Graman, Pengerusi Majlis Pastoral Paroki, Paroki Katedral St Mary, Sandakan.

Sesi-sesi yang dijalankan adalah santai tetapi padat dengan informasi semasa berkenaan dengan pelayanan orang muda masa kini.

Airene A. Gumanas dari Kerasulan Belia mengatakan bahawa antara sesi yang menarik baginya ialah a sesi 'Come Holy Spirit'.

Menurut Aireen, sesi itu dicipta untuk mendengar keperluan sesama peserta untuk didoakan secara spontan dalam kumpulan. "Secara tidak langsung memberi ruang kepada diri masing-masing untuk belajar kemahiran bagaimana berdoa secara spontan mengikut keperluan," katanya.

Sr Mary Epiphania lafaz kaul pertama untuk kongregasi Poor Clare

KENINGAU: Seorang religius Kongregasi kontemplatif, *Poor Clare Sisters (OSC)* iaitu Sr Mary Epiphania of *Misericordea*, berasal dari Kampung Rancangan Belia sook telah melafazkan kaul pertamanya pada Julai 26 lalu dalam Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong dan dibantu oleh Friar Cosmas Francis, OFM.

Pada masa yang sama, OSC telah menerima kemasukan aspiran seorang beliawanis iaitu Christillah Binti Lazarus yang berasal dari Kampung Penampang Baru, Ulu Kimanis, Papar.

Kongregasi Poor Clare Sisters secara rasminya diterima di Keuskupan Keningau pada September 12, 2019. Misi kongregasi ini melalui kehidupan kontemplasi di mana ia adalah jantung Gereja, ia tidak kelihatan namun aktif membekalkan makanan rohani dan tenaga bagi Gereja.

Poor Clare merupakan sebuah kerasulan doa dan mereka menerima kehadiran umat, mendengar masalah dan memberi sokongan dan kaunseling serta mendoakan intensi-intensi mereka.



Religius Malaysia terpilih sebagai pemimpin global IJ

KUALA LUMPUR: Seorang biarawati Malaysia telah dipilih ke Perhimpunan Agung para Sister *Infant Jesus (IJ)*. Pemilihan itu menandakan detik bersejarah, pengiktirafan dan tanggungjawab bagi delegasi Malaysia.

Sr Celina Wong (gambar kecil) seorang ahli Institut yang berpengalaman telah dipilih sebagai salah seorang daripada tiga Kaunselor Umum pada akhir Perhimpunan Agung Religius ke-31 di La Salle Generalate, Roma.

Bertemakan "Kalaulah kamu



tahu tentang Anugerah Tuhan!" (Yohanes 4), Perhimpunan Agung itu menghimpunkan 48 perwakilan dari 14 negara, yang terlibat dalam proses penentuan yang mendalam secara rohani dan kolaboratif.

Pemilihan Sr Celina ke Perhimpunan Agung menandakan kedua-dua peranan kepimpinan agama Asia yang semakin meningkat dalam komuniti Gereja glo-

bal serta penghormatan kepada sumbangan wilayah Malaysia.

Sr Celina berkhidmat bersama Pemimpin Umum yang baharu dilantik, Sr Marina Motta (Itali), dan rakan kaunselor, Sr Kitty Ellard (Ireland) serta Sr Beatrice Abega (Cameroon).

Para pemimpin tertinggi ini akan membimbing Institut IJ selama enam tahun akan datang dan memastikan IJ terus kekal dengan pelan tindakan strategik dalam empat bidang utama: Menjaga Rumah Bersama Kita; Tadbir Urus dan Struktur; Kewangan; dan Perjalanan Bersama Rakan Awam.